

# **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 2 TAHUN 2025**

---

---

## **GARIS PANDUAN PENJUALAN BAHAN MINERAL NEGERI SELANGOR**

---

---

### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pemegang Tenemen Mineral dan Permit Khas Mineral di Negeri Selangor serta semua individu, syarikat, jabatan dan agensi teknikal yang berkaitan berkenaan garis panduan penjualan bahan mineral Negeri Selangor.

### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pada masa kini, terdapat 258 Tenemen Mineral (TM) di bawah Enakmen Mineral (Selangor) 2000 EMS yang masih aktif iaitu 8 Pajakan Melombong (ML), 91 Lesen Melombong Tuan Punya (PML), 153 Lesen Mendulang dan 4 Permit Khas Mineral (PKM) telah dikeluarkan dan dijangkakan akan bertambah di masa hadapan selaras dengan peningkatan permintaan terhadap sumber mineral yang semakin tinggi masa kini.

2.2 Kesemua pengeluaran TM dan PKM ini telah menyumbang kepada hasil sumber mineral kepada Kerajaan Negeri Selangor. Berdasarkan rekod keseluruhan bagi tahun 2023, sejumlah RM1.82 juta telah berjaya dikutip daripada hasil sumber mineral

dari kawasan-kawasan yang telah diberikan TM dan PKM ini. Pada tahun 2024, hasil sumber mineral Negeri Selangor telah mencatatkan kutipan sebanyak RM 4.8 dan dijangka angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

- 2.3 Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah PTGS Bilangan 5 Tahun 2020 (Selepas ini dikenali sebagai “Pekeliling PTGS Bil.5/2020”) berkenaan Garis Panduan Pengeksportan Sumber Bahan Batuan dan Bijih Mineral Negeri Selangor yang bertarikh 25 November 2020. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dibuat terutamanya berkaitan kaedah penjualan bahan mineral melalui pengeksportan dan penyeragaman garis panduan penjualan bahan mineral secara tempatan atau antara negeri (*interstate*).
- 2.4 Sesuai dengan peningkatan kepada permintaan bagi pasaran bahan mineral yang semakin meluas samaada melalui penjualan secara tempatan, antara negeri mahupun eksport, PTGS mencadangkan supaya diwujudkan satu garis panduan yang komprehensif khusus berkaitan penjualan bahan mineral Negeri Selangor. Dengan pewujudan garis panduan ini, hasil Kerajaan Negeri dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa.
- 2.5 Sehubungan dengan itu, PTGS telah membawa usul untuk mewujudkan garis panduan baharu berkaitan penjualan bahan mineral di Negeri Selangor ini ke Jawatankuasa Sumber Mineral

Negeri Selangor (JSMNS) untuk syor kelulusan, dan JSMNS Bil.1/2024 yang telah bersidang pada 22 April 2024 telah memperakui dan mengesyorkan lulus cadangan tersebut seterusnya diangkat untuk pertimbangan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

- 2.6 Seterusnya, MMKN melalui Cabutan Kertas Ringkasan MMKN bertarikh 28 November 2024 kertas ringkasan MMK.No. 43 / 33 / 2024 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 34 / 2024 pada 6 Disember 2024 telah menimbang dan MELULUSKAN cadangan mewujudkan Garis Panduan Penjualan Bahan Mineral Negeri Selangor (selepas ini dikenali sebagai “**pekeliling ini**”).

### **3. KAEDAH DAN PELAKSANAAN**

- 3.1 Penjualan bahan mineral secara eksport seperti di **Lampiran 1**.
- 3.2 Penjualan bahan mineral secara tempatan / antara negeri (*interstate*) seperti di **Lampiran 2**.

### **4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

- 4.1 Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini berkuat kuasa **serta merta** bermula tarikh pekeliling ini dikeluarkan.
- 4.2 Bermulanya tarikh berkuatkuasa pekeliling ini, ketetapan-ketetapan berikut adalah terpakai iaitu :

- i. Penjualan bahan mineral Bijih Timah (secara eksport) boleh dilakukan secara terus kepada pembeli tertakluk kepada **perkara 3.1** kaedah dan pelaksanaan penjualan bahan mineral secara eksport.
- ii. Surat kelulusan eksport sedia ada boleh digunapakai mengikut tempoh yang telah ditetapkan (tertakluk kepada arahan PTGS dari semasa ke semasa) sehingga permohonan **Permit Eksport Bahan Mineral Negeri Selangor (PEBMNS)** dibuat oleh pemohon dengan merujuk **perkara 3.1 kaedah dan pelaksanaan penjualan bahan mineral secara eksport**. Setelah PEBMNS dikeluarkan, surat kelulusan terdahulu adalah dianggap terbatal dan PEBMNS akan menggantikan surat kelulusan eksport terdahulu tersebut.
- iii. Format baharu Borang 13D manual dan cetakan Borang 13D melalui **Sistem Smart Docket Negeri Selangor (SDNS)** seperti di **Lampiran C** akan digunapakai.
- iv. Kadar royalti bahan mineral Negeri Selangor seperti di **Jadual 2 Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2024, Jadual 2 Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor Bilangan 5 Tahun 2020 dan Jadual 1 Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2024** adalah **terbatal** dan kadar baru royalti bahan mineral

Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran B** Pekeliling Garis Panduan Penjualan Bahan Mineral Negeri Selangor ini.

- v. Semua kenyataan / peruntukan / perkara / keterangan / maklumat berkaitan penjualan / pengekportan bahan mineral di dalam Pekeliling Pengarah PTGS Bilangan 5 Tahun 2020 adalah **tidak terpakai**.



**(DATO' DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) D.S.I.S.,S.M.S.**

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tarikh: *17 Mac 2025*

# **LAMPIRAN 1**

## **KAEDAH DAN PELAKSANAAN PENJUALAN BAHAN MINERAL SECARA EKSPORT**

## KAEDAH DAN PELAKSANAAN PENJUALAN BAHAN MINERAL SECARA EKSPORT

### 1. Syarat-syarat Permohonan

- 1.1 PEBMNS hanya akan diberikan kepada pemohon seperti di kategori (a) - (c).
  - (a) Pemegang Tenemen Mineral (TM) yang aktif
    - Pajakan Melombong
    - Lesen Melombong Tuan Punya
    - Lesen Mendulang
    - Lain-lain kebenaran oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN)
  - (b) Pemegang Permit Khas Mineral (PKM) Negeri Selangor yang aktif.
  - (c) Pihak kedua (*trader*) - Pemegang lesen mineral / Lesen Memproses Mineral / Lesen Mengangkut Mineral daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia (Selangor / Wilayah Persekutuan).
- 1.2 Sekiranya pengeksporan bahan mineral melibatkan **kawasan *stockpile*** yang akan dihantar melalui jalan darat / laut / sungai ke kapal di mana-mana Pelabuhan berdaftar yang sah di dalam Negeri Selangor, pemohon hendaklah mendapatkan dan mempunyai Lesen Mineral / Lesen Memproses Mineral / Lesen Mengangkut Mineral (mana-mana yang berkenaan) yang sah daripada JMG Malaysia (Selangor / Wilayah Persekutuan) terlebih dahulu (sekiranya perlu) sebelum menghantar permohonan PEBMNS.
- 1.3 Permohonan Permit Eksport Bahan Mineral Negeri Selangor (PEBMNS) hendaklah dibuat kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) secara atas talian melalui Sistem *Smart Docket* Negeri Selangor (SDNS).
- 1.4 Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan PEBMNS dan merujuk kepada senarai semak dokumen permohonan PEBMNS seperti di **Lampiran A** dan pemohon hendaklah menyediakan dengan lengkap semua dokumen-dokumen yang diperlukan sebelum mengisi permohonan melalui sistem SDNS (bagi memudahkan urusan semasa mengisi permohonan atas talian). Sebelum mengisi.
- 1.5 Setelah selesai mengisi permohonan secara atas talian, pemohon dikehendaki menyediakan 1 set salinan *hardcopy* permohonan PEBMNS (beserta dokumen

yang lengkap) dan menghantar set salinan tersebut kepada Unit Batuan dan Mineral (UBM) di Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah PTGS dalam tempoh **5 hari bekerja dari tarikh permohonan secara atas talian** dibuat untuk tujuan pendaftaran perekodan fail dan penyediaan surat maklum balas beserta arahan pembayaran Fi Permohonan.

## **2. Bayaran-bayaran yang dikenakan**

- 2.1 Fi Permohonan PEBMNS adalah sebanyak **RM500.00**.
- 2.2 Fi pengeluaran PEBMNS adalah sebanyak **RM1,000.00**.
- 2.3 Kadar Fi Royalti adalah seperti di **Lampiran B (Eksport)**.
- 2.4 Kesemua bayaran Fi hendaklah dijelaskan / dibayar dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat arahan pembayaran dikeluarkan.

## **3. Terma dan syarat PEBMNS**

- 3.1 Tempoh sah PEBMNS ini adalah selama **1 tahun** sahaja dan tidak boleh diperbaharui. Permohonan PEBMNS yang baharu hendaklah dibuat dalam tempoh **3 bulan sebelum** tamat tempoh PEBMNS terdahulu.
- 3.2 PEBMNS akan dikeluarkan mengikut pelanggan dan bahan mineral. 1 pelanggan, 1 bahan mineral bersamaan dengan 1 PEBMNS.
- 3.3 Sekiranya terdapat permohonan penambahan pelanggan dan / atau penambahan kuantiti eksport dan / atau penambahan bahan mineral, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan sebagai permohonan yang baharu.
- 3.4 Sekiranya terdapat baki kuantiti yang tidak dapat dieksport mengikut tempoh PEBMNS sedia ada, baki kuantiti tersebut boleh dimasukkan ke dalam permohonan PEBMNS baru seterusnya.
- 3.5 Pemegang PEBMNS dikehendaki untuk mengemukakan permohonan yang baru walaupun tiada aktiviti pengeksportan dijalankan sepanjang tempoh dan sehingga tamat tempoh PEBMNS sedia ada (sekiranya perlu).

- 3.6 Pengarah PTGS boleh, pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu, membatalkan suatu PEBMNS jika ia berpuas hati bahawa pemegang PEBMNS itu telah memungkirkan mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam PEBMNS.
- 3.7 Bagi maksud sub perkara 3.6, Pengarah PTGS hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang PEBMNS, notis bertulis tentang tujuan untuk membatalkan permit itu. Walaubagaimanapun, pemegang permit diberi peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa 14 hari dari tarikh penyampaian notis itu.
- 3.8 Apabila habis tempoh 14 hari yang disebut dalam sub perenggan 3.7 dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang PEBMNS itu, Pengarah PTGS pada bila-bila masa, memberi pemegang PEBMNS itu notis / surat bertulis tentang keputusannya dan keputusan Pengarah PTGS adalah muktamad.
- 3.9 Jika suatu PEBMNS telah dibatalkan atau habis tempoh, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengarah hendaklah mencatatkan atau menyebabkan dicatatkan suatu memorial tentang pembatalan atau habis tempoh itu dalam daftar PEBMNS.
- 3.10 Pemegang PEBMNS diwajibkan mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan dan / atau yang akan ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa.

#### **4. Syarat Tambahan**

- 4.1 Untuk tujuan pengawalan ketirisan royalti hasil mineral, Pemegang PEBMNS diwajibkan menggunakan Sistem *Smart Docket* Negeri Selangor (SDNS) yang akan dikawal selia oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) PTGS, Unit Batuan dan Mineral (UBM) PTGS dan vendor SDNS sah yang dilantik oleh PTGS bagi tujuan pengawalan dan pemantauan pengeluaran bahan mineral / pengeluaran *stockpile* apa-apa jenis bahan mineral yang terlibat di dalam urusan pengesportan ini.
- 4.2 Setiap pengeluaran / penghantaran secara eksport hendaklah menggunakan Borang 13D (Dokumen Perjalanan Bahan Mineral) yang dicetak melalui Sistem SDNS yang mempunyai *watermark* “**EKSPORT**” (Seperti di **Lampiran C**). 1 trip bersamaan dengan 1 Borang 13D.

- 4.3 Sekiranya berlaku masalah teknikal berkaitan sistem SDNS dan / atau cetakan Borang 13D melalui SDNS, pemegang PEBMNS boleh menggunakan Borang 13D manual secara bertempoh (tertakluk kepada arahan PTGS dari semasa ke semasa) dengan syarat laporan kerosakan telah dibuat dengan kadar segera kepada BTM PTGS, UBM PTGS dan vendor SDNS yang dilantik. Borang 13D manual boleh didapatkan di UBM PTGS secara pembelian (rujuk keterangan pembayaran yang akan dikeluarkan oleh UBM PTGS).
- 4.4 Pemegang PEBMNS dikehendaki untuk mencatat semua data dan butiran pengeluaran sepanjang tempoh Borang 13D manual digunakan dan diwajibkan untuk mengemaskini data dan butiran tersebut ke dalam SDNS selepas SDNS beroperasi semula.
- 4.5 Vendor SDNS yang dilantik hendaklah menyelesaikan masalah teknikal yang berlaku di tapak dalam tempoh dua (2) jam dari waktu laporan kerosakan dibuat. Sekiranya kerosakan tidak dapat dibaiki dalam tempoh tersebut, vendor SDNS yang dilantik perlu memaklumkan kepada BTM PTGS dan UBM PTGS untuk pengesahan dan kebenaran lanjutan penggunaan Borang 13D manual bertempoh.
- 4.6 Bagi pemegang PEBMNS kategori pihak kedua (*trader*), pemegang PEBMNS dikehendaki menggunakan / mengemukakan lesen / permit / surat kebenaran / surat kelulusan / apa-apa dokumen yang sah daripada kawasan sumber yang sah di luar Negeri Selangor atau daripada mana-mana agensi / jabatan teknikal yang berkaitan (sekiranya perlu) untuk membawa masuk bahan mineral dari sumber luar Negeri Selangor ke kawasan *stockpile* di dalam Negeri Selangor atau ke terus ke kapal.
- 4.7 Bagi bahan mineral Emas, syarat UTAMA sebelum penghantaran / penjualan bahan mineral Emas secara Eksport dilakukan, **wakil UBM PTGS WAJIB berada di lokasi pengeluaran / pembungkusan bahan mineral Emas tersebut semasa pembungkusan / pengeluaran bahan mineral Emas dilakukan.**
- 4.8 Penjual akan menandatangani surat akuan pengeluaran bahan mineral Emas dan wakil UBM PTGS akan menandatangani surat akuan tersebut sebagai saksi. Sebarang penjualan bahan mineral Emas secara eksport yang tidak mempunyai surat akuan ini adalah dianggap tidak sah dan penjual dianggap telah melanggar

syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dan sekiranya perlu, akan diambil tindakan sewajarnya.

4.9 Sekiranya ada berlaku penjualan eksport, pemegang PEBMNS hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada UBM PTGS sekurang-kurangnya pada minggu kedua setiap bulan bagi tujuan penyemakan dan pengeluaran surat arahan bayaran royalti :

- (a) Salinan Borang 13D (sekiranya berkenaan).
- (b) Laporan pengeluaran bahan mineral – dicetak daripada sistem timbang (*weighbridge*) rekod syarikat masing-masing.
- (c) Borang Kastam No.2 (Borang K2) Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
- (d) *Vessel Draft Survey Report / Record* (untuk pengesahan kuantiti muatan sebenar masuk ke kapal).
- (e) Salinan pesanan pembelian (*Purchase Order*) dan pesanan penghantaran (*Delivery Order*).

4.10 Sekiranya tiada penjualan eksport dilakukan, pemegang PEBMNS hendaklah menghantar pada setiap minggu kedua setiap bulan, satu laporan / surat pengesahan pemakluman bahawa tiada pengeksportan dijalankan mengikut format yang bersesuaian dari semasa ke semasa untuk makluman dan rujukan PTGS.

## 5. Pengurusan Pembayaran Royalti Bahan Mineral (Eksport)

5.1 Kadar royalti bahan mineral Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran B (Eksport)**.

5.2 Merujuk kepada sub perkara 4.9, UBM PTGS akan menyemak dan mengesahkan terlebih dahulu semua dokumen yang berkaitan bagi tujuan penyediaan surat arahan pembayaran.

5.3 Tempoh untuk membayar royalti tersebut adalah dalam tempoh empat belas hari bekerja (14) dari tarikh surat arahan pembayaran dikeluarkan oleh PTGS.

5.4 Kaedah kiraan bayaran royalti bagi bahan mineral yang menggunakan kadar royalti mengikut berat (metrik tan, MT) dan / atau nilai peratusan (%) akan

ditetapkan oleh PTGS setelah menyemak dan mengesahkan semua dokumen-dokumen yang dihantar seperti di sub perkara 4.8.

- 5.5 Sekiranya terdapat sumber bahan mineral lain di dalam bahan mineral yang hendak dieksport mengikut laporan analisis bahan mineral itu, pihak penjual hendaklah mengemukakan permohonan PEBMNS baru bagi bahan mineral tersebut mengikut kaedah permohonan yang telah ditetapkan.
- 5.6 Surat Kebenaran Eksport (SKE) akan dikeluarkan setiap 4 bulan sekali (sekiranya perlu) sebagai kaedah pengawalan pematuhan pembayaran royalti. Sekiranya pemegang PEBMNS tidak membayar royalti mengikut tempoh yang ditetapkan, kelulusan PEBMNS sedia ada boleh dibatalkan berdasarkan **sub perkara 3.6 sehingga 3.8**.

## **6. Larangan Pengeksportan Selain Dari Pelabuhan / Jeti Di Negeri Selangor**

- 6.1 Setiap pengeksportan bahan mineral hanya boleh dilakukan melalui pelabuhan / Jeti berdaftar yang sah di dalam Negeri Selangor sahaja. Ini adalah bertujuan bagi memudahkan proses pemantauan, pengawalan dan penguatkuasaan sebelum, semasa dan selepas proses pengeksportan.
- 6.2 Pemegang PEBMNS hendaklah mengemukakan surat kebenaran / surat ulasan / apa-apa dokumen berkaitan yang mengesahkan kebenaran menggunakan pelabuhan / jeti tersebut.

## **7. Penyelarasan Pengurusan Perkhidmatan Oleh Pemohon**

- 7.1 Pemegang PEBMNS perlu membuat permohonan **Approved Permit (AP)** dan mematuhi semua syarat-syarat dan keperluan (sekiranya berkaitan) daripada daripada Kementerian / Jabatan / agensi yang berkaitan bagi tujuan pengeksportan selepas mendapat kelulusan PEBMNS.
- 7.2 Pemegang PEBMNS hendaklah menempatkan kakitangan dan pengawal keselamatan di tapak pengeluaran sumber mineral yang terlibat semasa proses penghantaran berlaku untuk memastikan segala operasi memenuhi syarat kelulusan PEBMNS.
- 7.3 PTGS (sekiranya perlu) akan menempatkan kakitangan dari UBM PTGS dan / atau dari Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal (BPPTT)

PTGS bagi tujuan pemantauan pematuhan syarat. Pemegang PEBMNS hendaklah memberikan kerjasama penuh kepada kakitangan PTGS yang bertugas dari semasa ke semasa.

**5. Pematuhan kepada Pekeliling PTGS / Arahan PTGS / syarat dan peraturan PEBMNS**

Pemegang PEBMNS dikehendaki untuk mematuhi semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam pekeling ini dan mematuhi mana-mana Pekeliling PTGS serta arahan Pengarah PTGS yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa dan mematuhi semua syarat dan peraturan yang akan ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa (sekiranya ada) dan apa-apa **keputusan Pengarah PTGS berkenaan hal ini adalah muktamad.**

# **LAMPIRAN 2**

KAEDAH DAN PELAKSANAAN  
PENJUALAN BAHAN MINERAL  
**SECARA TEMPATAN**  
DAN  
**ANTARA NEGERI**  
***(INTERSTATE)***

## KAEDAH DAN PELAKSANAAN PENJUALAN BAHAN MINERAL SECARA TEMPATAN / ANTARA NEGERI

### 1. Terma dan Syarat – syarat penjualan secara tempatan / antara negeri

1.1 Penjualan bahan mineral di Negeri Selangor secara tempatan / antara negeri hanya boleh dilakukan oleh penjual dari kategori seperti berikut :

(a) Pemegang Tenemen Mineral (TM) yang aktif

- Pajakan Melombong
- Lesen Melombong Tuan Punya
- Lesen Mendulang
- Lain-lain kebenaran oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN)

(b) Pemegang Permit Khas Mineral (PKM) Negeri Selangor yang aktif

(c) Pihak kedua (trader) - Pemegang Lesen Mineral / Lesen Memproses Mineral / Lesen Mengangkut Mineral daripada JMG Malaysia (Selangor / Wilayah Persekutuan). (tertakluk kepada terma dan syarat - **rujuk sub perkara 1.7**)

1.2 Untuk tujuan pengawalan ketirisan royalti hasil mineral, semua aktiviti penjualan bahan mineral (tempatan / antara negeri) diwajibkan menggunakan Sistem SDNS yang akan dikawal selia oleh BTM PTGS, UBM PTGS dan Vendor SDNS sah yang dilantik oleh PTGS bagi tujuan pengawalan dan pemantauan pengeluaran bahan mineral / pengeluaran *stockpile* apa-apa jenis bahan mineral yang terlibat di dalam urusan penghantaran / penjualan secara tempatan / antara negeri ini.

1.3 Setiap penghantaran/penjualan hendaklah menggunakan pakai Borang 13D (Dokumen Perjalanan Bijih Mineral) seperti di **Lampiran C** yang dicetak melalui Sistem SDNS. Satu (1) trip bersamaan dengan satu (1) Borang 13D.

1.4 Sekiranya berlaku masalah teknikal berkaitan sistem SDNS dan / atau cetakan Borang 13D melalui SDNS, penjual boleh menggunakan Borang 13D manual secara bertempoh (tertakluk kepada arahan PTGS dari semasa ke semasa) dengan syarat laporan kerosakan telah dibuat dengan kadar segera kepada BTM PTGS, UBM PTGS dan vendor SDNS yang dilantik. Borang 13D manual boleh didapatkan di UBM PTGS secara pembelian (rujuk keterangan pembayaran yang akan dikeluarkan oleh UBM PTGS).

- 1.5 Penjual dikehendaki untuk mencatat semua data dan butiran pengeluaran sepanjang tempoh Borang 13D manual digunakan dan diwajibkan untuk mengemaskini data dan butiran tersebut ke dalam SDNS selepas SDNS beroperasi semula.
- 1.6 Vendor SDNS yang dilantik hendaklah menyelesaikan masalah teknikal yang berlaku di tapak dalam tempoh dua (2) jam dari waktu laporan kerosakan dibuat. Sekiranya kerosakan tidak dapat dibaiki dalam tempoh tersebut, vendor SDNS yang dilantik perlu memaklumkan kepada BTM PTGS dan UBM PTGS untuk pengesahan dan kebenaran lanjutan penggunaan Borang 13D manual bertempoh.
- 1.7 Bagi **penjual kategori pihak kedua** yang mempunyai **kawasan memproses bahan mineral dan / atau kawasan *stockpile* bahan mineral di dalam Negeri Selangor** dan memiliki Lesen Mineral / Lesen Memproses Mineral / Lesen Mengangkut Mineral daripada JMG Malaysia (Selangor / Wilayah Persekutuan), penjual kategori pihak kedua (*trader*) ini dikehendaki untuk membuat permohonan untuk mendapatkan **Permit Khas Mineral Negeri Selangor** sebelum sebarang pengeluaran / penjualan / penghantaran bahan mineral dilakukan dengan merujuk kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2024 Garis Panduan Permohonan Permit Khas Mineral Negeri Selangor. Sebarang penjualan oleh penjual kategori pihak kedua yang **tidak mempunyai Permit Khas Mineral Negeri Selangor adalah dianggap tidak sah** dan melanggar syarat dan peraturan garis panduan penjualan bahan mineral Negeri Selangor dan boleh dikenakan tindakan sewajarnya.
- 1.8 Bagi penjual **bahan mineral yang didapatkan daripada luar Negeri Selangor** dan bertujuan untuk menjual bahan mineral sama ada di dalam Negeri Selangor dan / atau transit sementara (bertempoh) yang tidak termasuk di dalam mana-mana kategori seperti di sub perkara 1.1, penjual tersebut hendaklah merujuk dan memaklumkan perkara tersebut (melalui surat rasmi) kepada Pengarah PTGS bagi mendapatkan pertimbangan sewajarnya dan apa-apa **keputusan Pengarah PTGS berkenaan hal ini adalah muktamad**.
- 1.9 Bagi bahan mineral **Bijih Timah** (selain eksport), **penjualan / penghantaran antara negeri adalah tidak dibenarkan** dan hanya boleh dilakukan **secara tempatan sahaja**. Penjualan / penghantaran secara tempatan hanya boleh dihantar / dijual kepada pembeli yang memiliki kelulusan yang sah dan diprakui

oleh PTGS, tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dan / atau yang akan ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa (sekiranya ada).

- 1.10 Penjual yang menghantar / menjual bijih timah mengikut kaedah seperti **sub perkara 1.9**, penjual dikehendaki untuk menghantar surat rasmi pemakluman penjualan / penghantaran kepada UBM PTGS dalam tempoh sekurang-kurangnya **4 hari sebelum tarikh penghantaran sebenar** untuk tujuan semakan dan rujukan UBM PTGS.
- 1.11 Pihak pembeli akan memproses semua penghantaran yang dibuat dan akan mengeluarkan serta menghantar kepada UBM PTGS surat pemakluman penghantaran beserta bayaran royalti melalui kaedah yang ditetapkan untuk urusan pembayaran royalti dalam tempoh sekurang-kurangnya 2 bulan dari tarikh penghantaran.
- 1.12 Bagi penghantaran / penjualan bahan mineral **Emas secara tempatan**, penjual dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran penjualan emas daripada PTGS dan hendaklah memaklumkan kepada PTGS melalui surat pemakluman rasmi dalam tempoh sekurang-kurangnya **4 hari sebelum tarikh penghantaran sebenar** dan wajib mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
  - (a) Surat pemakluman penghantaran / penjualan bahan mineral (nyatakan tarikh sebenar penghantaran, jenis bahan mineral yang akan dihantar / dijual, kuantiti, dan lain-lain maklumat yang difikirkan perlu).
  - (b) laporan analisis bahan mineral daripada JMG Malaysia.
  - (c) Salinan pesanan pembelian (*Purchase Order*).
  - (d) Butiran lengkap pihak pembeli.
  - (e) Salinan surat kelulusan / kebenaran daripada Jabatan / agensi berkaitan sekiranya ada.
- 1.13 Syarat UTAMA sebelum penghantaran / penjualan bahan mineral Emas secara tempatan dilakukan, wakil UBM PTGS WAJIB berada di lokasi pengeluaran / pembungkusan bahan mineral Emas tersebut **semasa pembungkusan / pengeluaran bahan mineral Emas dilakukan**.

- 1.14 Penjual akan menandatangani **surat akuan pengeluaran bahan mineral Emas** dan wakil UBM PTGS akan menandatangani surat akuan tersebut sebagai saksi. Sebarang **penjualan bahan mineral Emas yang tidak mempunyai surat akuan** ini adalah **dianggap tidak sah** dan penjual dianggap telah melanggar syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dan sekiranya perlu, akan diambil tindakan sewajarnya.
- 1.15 Bagi penghantaran / penjualan bahan mineral lain (**selain Emas dan Bijih Timah**) **secara tempatan**, pihak penjual boleh terus menjalankan pengeluaran / penjualan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa dan dikehendaki untuk mematuhi arahan seperti di **Perkara 2 Pengurusan Pembayaran Royalti Bahan Mineral (Tempatan / Antara Negeri)**.
- 1.16 Bagi penghantaran / penjualan bahan mineral (**selain bijih timah**) **secara antara negeri (interstate)**, penjual dikehendaki untuk memaklumkan kepada UBM PTGS melalui surat pemakluman rasmi dalam tempoh sekurang-kurangnya **4 hari sebelum tarikh penghantaran sebenar** dan wajib mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
- (a) Surat pemakluman penghantaran / penjualan bahan mineral (nyatakan tarikh sebenar penghantaran, jenis bahan mineral yang akan dihantar / dijual, kuantiti dan lain-lain maklumat yang difikirkan perlu).
  - (b) Surat ulasan / laporan analisis bahan mineral daripada JMG Malaysia.
  - (c) Salinan pesanan pembelian (*Purchase Order*).
  - (d) Salinan surat kelulusan / kebenaran daripada Jabatan / agensi berkaitan sekiranya ada.
- 1.17 Berdasarkan pemakluman seperti di sub perkara 1.16, PTGS akan mengeluarkan **Surat Kebenaran Menjual Antara Negeri (SKMAN)** kepada penjual bagi tujuan memantau semua penjualan dan penghantaran bahan mineral antara negeri sekaligus untuk mengelakkan daripada berlakunya penjualan / penghantaran bahan mineral secara tidak sah / haram kepada pembeli di luar Negeri Selangor yang tidak bertanggung jawab dan mengelakkan daripada berlakunya ketirisan pembayaran royalti kepada Kerajaan Negeri.

1.18 Sebarang penjualan antara negeri yang tidak mempunyai SKMAN adalah dianggap tidak sah dan penjual dianggap telah melanggar syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dan sekiranya perlu, akan diambil tindakan sewajarnya.

## 2. Pengurusan Pembayaran Royalti Bahan Mineral (Tempatan / Antara Negeri)

2.1 Kadar royalti bahan mineral Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran B (Tempatan / Antara Negeri)**.

2.2 Bagi penjualan bahan mineral Biji Timah melalui pembeli yang diperakui oleh PTGS, UBM PTGS akan menyemak surat pemakluman seperti di sub perkara 1.10 dan surat pemakluman penghantaran daripada pembeli yang diperakui oleh PTGS seperti di sub perkara 1.11 bagi tujuan pembayaran royalti seterusnya.

2.3 Bagi penjualan bahan mineral Biji Timah yang dibayar terus kepada penjual oleh pembeli yang diperakui oleh PTGS, penjual dikehendaki untuk menghantar surat pemakluman pembayaran dan laporan penjualan kepada PTGS dengan kadar segera (selewat-lewatnya dalam tempoh 2 bulan) bagi tujuan penyemakan dan pengeluaran surat arahan bayaran royalti.

2.4 Sekiranya ada penjualan bahan mineral (**selain Biji Timah dan Emas**) secara tempatan / antara negeri, penjual hendaklah mengemukakan surat makluman rasmi beserta dokumen-dokumen berikut kepada UBM PTGS sekurang-kurangnya pada minggu kedua setiap bulan seterusnya bagi tujuan penyemakan dan pengeluaran surat arahan bayaran royalti :

(a) Salinan Borang 13D manual (sekiranya tidak menggunakan SDNS disebabkan kerosakan teknikal atau lain-lain situasi yang mendapat pengesahan kebenaran menggunakan Borang 13D manual daripada PTGS).

(b) Laporan lengkap pengeluaran dan penjualan bahan mineral yang disahkan oleh pengurusan masing-masing. Sila nyatakan dengan jelas jumlah pengeluaran mengikut kategori bahan mineral berdasarkan kadar royalti bahan mineral seperti di **Lampiran B**.

(c) Surat ulasan / laporan analisis bahan mineral daripada JMG Malaysia (Selangor / Wilayah Persekutuan) sekiranya perlu.

(d) Salinan pesanan pembelian (*Purchase Order*) sekiranya perlu.

- (e) Salinan pesanan penghantaran (*Delivery Order*) sekiranya perlu.
  - (f) Surat akuan bersumpah yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah bertauliah mengikut format yang ditetapkan. (rujuk UBM PTGS untuk format terkini)
- 2.5 UBM PTGS akan mengeluarkan surat arahan pembayaran royalti setelah meneliti, menyemak dan mengesahkan semua dokumen yang telah dihantar seperti di sub perkara 2.3 dan 2.4. Penjual dikehendaki untuk membayar royalti yang dinyatakan di dalam surat arahan pembayaran tersebut dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat arahan pembayaran dikeluarkan.
- 2.6 Kaedah kiraan royalti bagi bahan mineral yang menggunakan kadar royalti mengikut berat (metrik tan, MT) dan / atau nilai peratusan (%) akan diperincikan oleh PTGS melalui setelah menyemak dan mengesahkan semua dokumen-dokumen yang dihantar seperti di sub perkara 2.3 dan 2.4.
- 2.7 Sekiranya terdapat sumber bahan mineral lain di dalam bahan mineral yang dijual mengikut Laporan analisis bahan mineral itu, maka PTGS berhak mengenakan dan mengutip bayaran royalti tambahan tersebut (sekiranya ada).
- 2.8 Sekiranya penjual gagal mematuhi arahan pembayaran royalti seperti yang dinyatakan di dalam surat arahan pembayaran, notis tuntutan akan dikeluarkan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Seksyen 98 Enakmen Mineral Selangor 2000 dan Peraturan 63(c) melalui Borang 11C Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007 dan seterusnya (sekiranya perlu) tindakan pembatalan / pelucuthakkan TM atau PKM boleh dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

### 3. Syarat Tambahan

Penjual dikehendaki untuk mematuhi semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam pekeliling ini dan mematuhi mana-mana Pekeliling PTGS serta arahan Pengarah PTGS yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa dan mematuhi semua syarat dan peraturan yang akan ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa (sekiranya ada pindaan) dan apa-apa **keputusan Pengarah PTGS berkenaan hal ini adalah muktamad.**

# LAMPIRAN A

Contoh Borang Permohonan dan  
Senarai Semak Dokumen  
Permit Eksport Bahan Mineral Negeri Selangor  
(**PEBMNS**)

## LAMPIRAN A : Contoh Borang Permohonan PEBMNS

BORANG PERMOHONAN DAN SENARAI SEMAK  
PERMIT EKSPORT BAHAN MINERAL NEGERI SELANGOR

**BORANG PERMOHONAN DAN SENARAI SEMAK  
PERMIT EKSPORT BAHAN MINERAL NEGERI SELANGOR  
(PEBMNS)**

---

**KATEGORI PEMOHON :-** **NO ID. SDNS :**

Pemegang Tenemen Mineral Negeri Selangor    
  Pemegang Permit Khas Mineral Negeri Selangor    
  Pihak kedua (trader)  
Pemegang lesen mineral / Lesen Memproses Mineral / Lesen Mengangkut Mineral daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia.

---

**BUTIRAN PEMOHON / SYARIKAT**

---

1	Nama syarikat	:	
2	No. pendaftaran syarikat	:	
3	Alamat surat menyurat	:	
		:	
		:	
4	No. telefon / no. faks	:	
5	Alamat emel syarikat	:	
6	No. pendaftaran *TM / PKM / sumber berkaitan <small>(Sumber bahan mineral didapati)</small>	:	
7	No. Hakmilik dan No. Lot / PT <small>(kawasan stesen timbang / stockpile pemohon)</small>	:	
8	Mukim dan Daerah <small>(kawasan stesen timbang / stockpile pemohon)</small>	:	
9	Jenis bahan mineral diekspor	:	
10	Kuantiti bahan diekspor (metrik tan,MT)	:	
11	Nama pelanggan / pembeli	:	
12	Negara diekspor	:	
13	Nama kakitangan bertugas (PIC)	:	
14	Jawatan	:	
15	No. telefon untuk dihubungi	:	

**PENTING :-**

1. Sebelum mengisi Borang ini, pemohon perlu mendapatkan **no. ID Sistem Smart Docket (SDNS)** yang akan digunakan untuk mengisi permohonan secara atas talian. Sila bawa bersama **salinan kad Pengenalan, surat wakil kuasa syarikat, maklumat (emel dan no. telefon)** dan serahkan kepada UBM PTGS untuk pendaftaran **no. ID SDNS**.
2. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dan lampirkan bersama dokumen-dokumen lengkap (rujuk senarai semak di muka surat 2) sebelum diisi secara atas talian melalui sistem Smart Docket : Permit Eksport.
3. TM = Tenemen Mineral, PKM = Permit Khas Mineral, Sumber Berkaitan = sumber bahan mineral yang sah yang didapati selain daripada TM dan PKM Negeri Selangor.
4. Satu borang permohonan hanya boleh digunakan untuk satu (1) Jenis Bahan Mineral sahaja. Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) bahan mineral, sila isi permohonan di borang yang baru.
5. Setiap PEBMNS hanya akan dikeluarkan untuk 1 pelanggan sahaja. 1 pelanggan = 1 PEBMNS.

1 / 2

## LAMPIRAN A : Contoh Senarai Semak Dokumen

BORANG PERMOHONAN PEBMNS

### SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PEBMNS

**PENTING :** Dokumen-dokumen hendaklah disediakan dengan lengkap dan diasingkan mengikut kategori menggunakan pembahagi dokumen (*Divider/separator*) yang sesuai dan seterusnya hendaklah dihantar ke Unit Batuan dan Mineral PTGS dengan kadar segera selepas mengisi permohonan secara atas talian melalui Sistem Smart Docket Negeri Selangor.

1. MAKLUMAT SUMBER BAHAN MINERAL DIDAPATKAN

Sila kemukakan salinan suratcara TM / PKM / Sumber berkaitan lengkap yang sah dan masih aktif.

**Tenemen Mineral**

1. Pajakan Melombong
2. Lesen Melombong Tuan Punya
3. Lesen Mendulang
4. Lain-lain, Nyatakan :

**Permit Khas Mineral**

5. Permit Khas Mineral

**Sumber lain yang sah selain TM / PKM Negeri Selangor**

6. Nyatakan : 
  - Dokumen berkaitan yang mengesahkan sumber bahan mineral yang didapatkan selain daripada TM dan PKM Negeri Selangor adalah SAH, WAJIB kepitkan bersama

2. MAKLUMAT SYARIKAT

Sila kemukakan Salinan **TERKINI / TAHUN SEMASA** dokumen-dokumen berikut yang sah (sekiranya berkaitan).

1. Profil Syarikat
2. Borang 9 / Seksyen 17 atau Borang E (Kaedah 13) SSM
3. Borang 24 SSM (Butiran pemegang Syer)
4. Borang 44 SSM (Butiran alamat didaftarkan)
5. Borang 49 SSM (Butiran Pengarah / Pegawai)
6. Lesen Mineral / Lesen Memproses Mineral / Lesen Mengangkut Mineral daripada JMG Negeri Selangor yang sah dan masih aktif 
  - Dokumen no. 6 WAJIB disertakan sekiranya pemohon dari kategori pihak kedua

3. PELAN TANAH KAWASAN PERMOHONAN

Sila kemukakan pelan kawasan TM / PKM / Sumber berkaitan dalam format saiz A3 yang disahkan oleh Juruukur Bertauliah

4. MAKLUMAT PENGESAHAN MAKMAL DAN PENGESAHAN PEMBELIAN

Sila kemukakan salinan terkini dokumen-dokumen seperti di bawah :

- a) Salinan Sijil Analisis Bahan Daripada Makmal Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)
- b) Salinan Pesanan Pembelian / Purchase Order (PO)

5. PENGESAHAN PERAKUAN PEMOHON

Saya mengesahkan dan memperakukan bahawa semua maklumat yang diisi di dalam borang ini dan semua dokumen yang dilampirkan bersama borang ini adalah **BENAR dan SAH**.

Cop Rasmi Syarikat di sini

.....Tandatangan & Cop.....

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

2 / 2

# **LAMPIRAN B**

Kadar Royalti Bahan Mineral  
Negeri Selangor

**LAMPIRAN B : KADAR ROYALTI BAHAN MINERAL NEGERI SELANGOR****\* Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa sekiranya ada**

BIL.	JENIS BAHAN BATUAN	KADAR FI ROYALTI	
		TEMPATAN / ANTARA NEGERI	EKSPORT
1.	Timah	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
2.	Emas	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
3.	Perak	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
4.	Ilmenit	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
5.	Bauksit	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
6.	Tembaga	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
7.	Bijih Besi	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
8.	Hasil Sampingan Timah	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
9.	Lain-lain mineral	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
10.	NR - REE	-	12% daripada nilai
11.	Kaolin	RM 3.00 per mt	RM 5.00 /mt
12.	Pasir Silika	RM 4.00/mt	RM 6.00/mt
13.	Batu Silika	RM 4.00/mt	RM 6.00/mt
14.	Serbuk Silika	RM 2.85/mt	RM 4.25/mt
15.	Kuarza	RM 2.30/mt	RM 3.46/mt
16.	Batu Arang	RM 2.00/mt	RM 3.00/mt
17.	Mika	RM 4.00/mt	RM 6.00/mt
18.	Barit	RM 15.00/mt	RM 22.50/mt
19.	Granit (termasuk hasil sampingan Granit)	RM 3.90/mt	RM 5.85/mt
20.	Hasil Sisa Granit	RM 1.95/mt	RM 2.93/mt
21.	Batu Kapur	RM 2.30/mt	RM 3.46/mt
22.	Kapur	RM 1.82/mt	RM 2.72/mt
23.	Batu Marmar	RM 5.70/mt	RM 8.60/mt
24.	Guano (Tahi Kelawar)	RM 2.00/100kg	RM 3.00/100kg

# **LAMPIRAN C**

Contoh Borang 13D SDNS  
“Tempatan / Antara Negeri”  
dan “Eksport”



&

Contoh Borang 13D Manual

## LAMPIRAN C : Contoh Borang 13D SDNS tempatan / antara negeri

ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000 PERATURAN-PERATURAN MINERAL (SELANGOR) 2007 PEKELILING / ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR		SALINAN PEMANDU NO. : 000001	
<b>BORANG 13D : DOKUMEN PERJALANAN BAHAN MINERAL</b>			
<b>BUTIRAN PENERIMA PENGHANTARAN DAN DESTINASI</b>			
NAMA PENERIMA : .....		DESTINASI PENGHANTARAN : .....	
<b>BUTIRAN PEMEGANG TM / PKM / TEMPAT ASAL BAHAN MINERAL</b>			
JENIS PENDAFTARAN : PAUKAN HELOMBONG (MH) / LESAN HELOMBONG TUANPUNYA (PHL) / LESAN CAR GALI / PENELAJARAN / PERMIT KHAS MINERAL (PKM)		NOMBOR PENDAFTARAN : .....	
NAMA PEMEGANG TM / PKM : .....			
ALAMAT PEMEGANG TM / PKM : .....			
NO. HADILIK : .....	PTALOT : .....	MUKIM : .....	DAERAH : .....
<b>BUTIRAN BAHAN MINERAL</b>			
JENIS BAHAN MINERAL : .....		SPESIFIKASI (BESI / PASIR / BATU / DUST / SISA / LOGAM / LAIN - LAIN (NYATAKAN) : .....	
BERAT (METRIK TAN) : .....		JENIS BOKS SELAN LORI (ALPHO BAG / LAIN - LAIN - NYATAKAN) : .....	
BIL. BEKAS : .....			
<b>BUTIRAN PENGANGKUTAN / TARIKH PENGHANTARAN / WAKTU PENGHANTARAN</b>			
JENIS PENGANGKUTAN : .....		NO. PENDAFTARAN PENGANGKUTAN : .....	TARIKH PENGHANTARAN : .....
WAKTU PENGHANTARAN : .....			
<b>PENGESAHAN PEMEGANG TM / PKM</b>		<b>NOTIS PERINGATAN</b>	
COP SYARIKAT DAN TARIKH	<ol style="list-style-type: none"> <li>Borang 13D hanya boleh digunakan sekiranya terdapat masalah teknikal pada sistem Smart Docket dengan syarat telah mendapat pengesahan penggunaan borang 13D manual daripada PTGS.</li> <li>Borang 13D ini hanya boleh digunakan <b>SEKALI</b> untuk setiap penghantaran (Trip). <b>1 Borang = 1 Trip</b>.</li> <li>Sila pastikan semua maklumat dalam borang ini diisi dengan lengkap dan betul sebelum penghantaran dibuat.</li> <li>Pemandu WAJIB membawa Borang ini bersama semasa penghantaran dan bersedia untuk mengemukakan borang ini pada bila-bila sekiranya terdapat pemeriksaan oleh PTGS / Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan.</li> <li>Borang ini hanya sah dalam tempoh 4 jam sahaja dari waktu penghantaran.</li> <li>Sekiranya pengangkutan mengalami masalah, Borang ini hanya sah digunakan dalam tempoh 24 jam sahaja dari waktu penghantaran.</li> <li>Pemegang TM/ PKM wajib patuh semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan/ akan ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa.</li> </ol>		
	<b>GAMBAR PENGANGKUTAN</b>		
<b>BORANG 13D : DOKUMEN PERJALANAN BAHAN MINERAL</b>			
ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000 PERATURAN-PERATURAN MINERAL (SELANGOR) 2007 PEKELILING / ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR		SALINAN PEMEGANG TM / PKM NO. : 000001	
<b>BORANG 13D : DOKUMEN PERJALANAN BAHAN MINERAL</b>			
<b>BUTIRAN PENERIMA PENGHANTARAN DAN DESTINASI</b>			
NAMA PENERIMA : .....		DESTINASI PENGHANTARAN : .....	
<b>BUTIRAN PEMEGANG TM / PKM / TEMPAT ASAL BAHAN MINERAL</b>			
JENIS PENDAFTARAN : PAUKAN HELOMBONG (MH) / LESAN HELOMBONG TUANPUNYA (PHL) / LESAN CAR GALI / PENELAJARAN / PERMIT KHAS MINERAL (PKM)		NOMBOR PENDAFTARAN : .....	
NAMA PEMEGANG TM / PKM : .....			
ALAMAT PEMEGANG TM / PKM : .....			
NO. HADILIK : .....	PTALOT : .....	MUKIM : .....	DAERAH : .....
<b>BUTIRAN BAHAN MINERAL</b>			
JENIS BAHAN MINERAL : .....		SPESIFIKASI (BESI / PASIR / BATU / DUST / SISA / LOGAM / LAIN - LAIN (NYATAKAN) : .....	
BERAT (METRIK TAN) : .....		JENIS BOKS SELAN LORI (ALPHO BAG / LAIN - LAIN - NYATAKAN) : .....	
BIL. BEKAS : .....			
<b>BUTIRAN PENGANGKUTAN / TARIKH PENGHANTARAN / WAKTU PENGHANTARAN</b>			
JENIS PENGANGKUTAN : .....		NO. PENDAFTARAN PENGANGKUTAN : .....	TARIKH PENGHANTARAN : .....
WAKTU PENGHANTARAN : .....			
<b>PENGESAHAN PEMEGANG TM / PKM</b>		<b>NOTIS PERINGATAN</b>	
COP SYARIKAT DAN TARIKH	<ol style="list-style-type: none"> <li>Borang 13D hanya boleh digunakan sekiranya terdapat masalah teknikal pada sistem Smart Docket dengan syarat telah mendapat pengesahan penggunaan borang 13D manual daripada PTGS.</li> <li>Borang 13D ini hanya boleh digunakan <b>SEKALI</b> untuk setiap penghantaran (Trip). <b>1 Borang = 1 Trip</b>.</li> <li>Sila pastikan semua maklumat dalam borang ini diisi dengan lengkap dan betul sebelum penghantaran dibuat.</li> <li>Pemandu WAJIB membawa Borang ini bersama semasa penghantaran dan bersedia untuk mengemukakan borang ini pada bila-bila sekiranya terdapat pemeriksaan oleh PTGS / Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan.</li> <li>Borang ini hanya sah dalam tempoh 4 jam sahaja dari waktu penghantaran.</li> <li>Sekiranya pengangkutan mengalami masalah, Borang ini hanya sah digunakan dalam tempoh 24 jam sahaja dari waktu penghantaran.</li> <li>Pemegang TM/ PKM wajib patuh semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan/ akan ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa.</li> </ol>		
	<b>GAMBAR PENGANGKUTAN</b>		

## LAMPIRAN C : Contoh Borang 13D SDNS eksport

ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000 PERATURAN-PERATURAN MINERAL (SELANGOR) 2007 PEKELILING / ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR		SALINAN PEMANDU NO. : 000001	
<b>BORANG 13D : DOKUMEN PERJALANAN BAHAN MINERAL</b>			
BUTIRAN PENERIMA PENGHANTARAN DAN DESTINASI		<b>EKSPORT</b>	
NAMA PENERIMA : _____ DESTINASI PENGHANTARAN : _____			
BUTIRAN PEMEGANG TM / PKM / TEMPAT ASAL BAHAN MINERAL		TM = TENEMEN MINERAL, PKM = PERMIT KHAS MINERAL	
JENIS PENDAFTARAN : PAUKAN MELOMBONG (ML) / LESEN MELOMBONG TUANPUNYA (PML) / LESEN CARI DALI / PENELITIAN / PERMIT KHAS MINERAL (PKM)	NOMBOR PENDAFTARAN : _____		
NAMA PEMEGANG TM / PKM : _____			
ALAMAT PEMEGANG TM / PKM : _____			
NO. HAK MILIK : _____	PLAT : _____	MUKIM : _____	DAERAH : _____
BUTIRAN BAHAN MINERAL			
JENIS BAHAN MINERAL : _____ SPESIFIKASI (BUH / PAGIR / BATU / DUST / SISA / LOGAM / LAIN - LAIN NYATAKAN) : _____			
BERAT (METRIK TAN) : _____ JENIS BEKAS SELAIN LORI (JUMBO BAG / LAIN - LAIN - NYATAKAN) : _____ BIL. BEKAS : _____			
BUTIRAN PENGANGKUTAN / TARIKH PENGHANTARAN / WAKTU PENGHANTARAN			
JENIS PENGANGKUTAN : _____		NO. PENDAFTARAN PENGANGKUTAN : _____	TARIKH PENGHANTARAN : _____
			WAKTU PENGHANTARAN : _____ AM / PM
PENGESAHAN PEMEGANG TM / PKM	NOTIS PERINGATAN	GAMBAR PENGANGKUTAN	
COP SYARIKAT DAN TARIKH	1. Borang 13D hanya boleh digunakan sekiranya terdapat masalah teknikal pada sistem Smart Docket dengan syarat telah mendapat pengesahan penggunaan borang 13D manual daripada PTGS.		
	2. Borang 13D ini hanya boleh digunakan <b>SEKALI</b> untuk setiap penghantaran (Trip). <b>1 Borang = 1 Trip</b>		
	3. Sila pastikan semua maklumat dalam borang ini diisi dengan lengkap dan betul sebelum penghantaran dibuat		
	4. Pemandu WAJIB membawa Borang ini bersama semasa penghantaran, dan bersedia untuk mengemukakan borang ini pada bila-bila sebarang terdapat pemeriksaan oleh PTGS / Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan		
	5. Borang ini hanya sah dalam tempoh 4 jam sahaja dari waktu penghantaran		
	6. Sekiranya pengangkutan mengalami masalah, Borang ini hanya sah digunakan dalam tempoh 24 jam sahaja dari waktu penghantaran.		
	7. Pemegang TM/PKM wajib patuh semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan/ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa.		
<b>ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000 PERATURAN-PERATURAN MINERAL (SELANGOR) 2007 PEKELILING / ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR</b>			
<b>BORANG 13D : DOKUMEN PERJALANAN BAHAN MINERAL</b>			
BUTIRAN PENERIMA PENGHANTARAN DAN DESTINASI		<b>EKSPORT</b>	
NAMA PENERIMA : _____ DESTINASI PENGHANTARAN : _____			
BUTIRAN PEMEGANG TM / PKM / TEMPAT ASAL BAHAN MINERAL		TM = TENEMEN MINERAL, PKM = PERMIT KHAS MINERAL	
JENIS PENDAFTARAN : PAUKAN MELOMBONG (ML) / LESEN MELOMBONG TUANPUNYA (PML) / LESEN CARI DALI / PENELITIAN / PERMIT KHAS MINERAL (PKM)	NOMBOR PENDAFTARAN : _____		
NAMA PEMEGANG TM / PKM : _____			
ALAMAT PEMEGANG TM / PKM : _____			
NO. HAK MILIK : _____	PLAT : _____	MUKIM : _____	DAERAH : _____
BUTIRAN BAHAN MINERAL			
JENIS BAHAN MINERAL : _____ SPESIFIKASI (BUH / PAGIR / BATU / DUST / SISA / LOGAM / LAIN - LAIN NYATAKAN) : _____			
BERAT (METRIK TAN) : _____ JENIS BEKAS SELAIN LORI (JUMBO BAG / LAIN - LAIN - NYATAKAN) : _____ BIL. BEKAS : _____			
BUTIRAN PENGANGKUTAN / TARIKH PENGHANTARAN / WAKTU PENGHANTARAN			
JENIS PENGANGKUTAN : _____		NO. PENDAFTARAN PENGANGKUTAN : _____	TARIKH PENGHANTARAN : _____
			WAKTU PENGHANTARAN : _____ AM / PM
PENGESAHAN PEMEGANG TM / PKM	NOTIS PERINGATAN	GAMBAR PENGANGKUTAN	
COP SYARIKAT DAN TARIKH	1. Borang 13D hanya boleh digunakan sekiranya terdapat masalah teknikal pada sistem Smart Docket dengan syarat telah mendapat pengesahan penggunaan borang 13D manual daripada PTGS.		
	2. Borang 13D ini hanya boleh digunakan <b>SEKALI</b> untuk setiap penghantaran (Trip). <b>1 Borang = 1 Trip</b>		
	3. Sila pastikan semua maklumat dalam borang ini diisi dengan lengkap dan betul sebelum penghantaran dibuat		
	4. Pemandu WAJIB membawa Borang ini bersama semasa penghantaran, dan bersedia untuk mengemukakan borang ini pada bila-bila sebarang terdapat pemeriksaan oleh PTGS / Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan		
	5. Borang ini hanya sah dalam tempoh 4 jam sahaja dari waktu penghantaran		
	6. Sekiranya pengangkutan mengalami masalah, Borang ini hanya sah digunakan dalam tempoh 24 jam sahaja dari waktu penghantaran.		
	7. Pemegang TM/PKM wajib patuh semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan/ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa.		

## LAMPIRAN C : Contoh Borang 13D manual

SALINAN PEMEGANG TM / PKM



NO. SIRI DOKET : 000001

ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (SELANGOR) 2007  
PEKELILING / ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR



SALINAN Pemandu



NO. SIRI DOKET : 000001

ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (SELANGOR) 2007  
PEKELILING / ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR



**BORANG 13D : DOKUMEN PERJALANAN BAHAN MINERAL**

NO. SIRI DOKET : 000001



000001



SELANGOR

DOKUMEN PERJALANAN  
**BAHAN MINERAL**  
NEGERI SELANGOR

NO. SIRI DOKET :  
**000001**



**BUTIRAN PENERIMA PENGHANTARAN DAN DESTINASI**

NAMA PENERIMA : ..... DESTINASI PENGHANTARAN : ..... JENIS PENGHANTARAN : TEMPATAN / ANTARA NEGERI / EKSPORT

**BUTIRAN PEMEGANG TM / PKM / TEMPAT ASAL BAHAN MINERAL** TM = TENEMEN MINERAL, PKM = PERMIT KHAS MINERAL

JENIS PENDAFTARAN : PAJAKAN MELOMBONG (ML) / LESEN MELOMBONG TUANPUNYA (PML) / LESEN CARIGALI / PENJELAJAHAN / PERMIT KHAS MINERAL (PKM)

NAMA PEMEGANG TM / PKM : .....

ALAMAT PEMEGANG TM / PKM : .....

NOMBOR PENDAFTARAN : ..... NO. HAK MILIK : ..... PT/LOT : .....

MUKIM DAN DAERAH : MUKIM : ..... DAERAH : .....

**BUTIRAN BAHAN MINERAL**

JENIS BAHAN MINERAL : ..... SPESIFIKASI (BUIH / PASIR / BATU / DUST / SISA / LOGAM / LAIN-LAIN (NYATAKAN)) : .....

BERAT (METRIK TON) : ..... JENIS BEKAS SELAIN LORI (JUMBO BAG / LAIN-LAIN, NYATAKAN) : ..... BIL. BEKAS : .....

**BUTIRAN PENGANGKUTAN / TARIKH PENGHANTARAN / WAKTU PENGHANTARAN**

JENIS PENGANGKUTAN : ..... NO. PENDAFTARAN PENGANGKUTAN : ..... TARIKH / WAKTU PENGHANTARAN : ..... / ..... AM / PM

PENGESAHAN PEMEGANG TM / PKM	NOTIS PERINGATAN
	<ol style="list-style-type: none"> <li>Borang 13D hanya boleh digunakan sekiranya terdapat masalah teknikal pada sistem Smart Docket dengan syarat telah mendapat pengesahan penggunaan borang 13D manual daripada PTGS.</li> <li>Borang 13D ini hanya boleh digunakan <b>SEKALI</b> untuk setiap penghantaran (Trip). <b>1 Borang = 1 Trip</b></li> <li>Sila pastikan semua maklumat dalam borang ini diisi dengan lengkap dan betul sebelum penghantaran dibuat.</li> <li>Pemandu WAJIB membawa Borang ini bersama semasa penghantaran dan bersedia untuk mengemukakan borang ini pada bila-bila sekiranya terdapat pemeriksaan oleh PTGS / Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan.</li> <li>Borang ini hanya sah dalam tempoh 4 jam sahaja dari waktu penghantaran. Sekiranya pengangkutan mengalami masalah (dengan bukti), Borang ini sah digunakan dalam tempoh 24 jam sahaja dari waktu penghantaran.</li> <li>Pemegang TM/PKM wajib patuh semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan/akan ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa.</li> </ol>

COP SYARIKAT DAN TARIKH